



08 AUG, 2020

## Lima kenderaan diarah patah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Lima kenderaan diarah patah balik

**KUCHING:** Sebanyak lima kenderaan daripada 1,480 yang melalui sekatan jalan raya diantara Zon 1 dan Zon 2 telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), semalam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, manakala 1,475 kenderaan lagi dibenarkan melalui sekatan di dua lokasi di Daerah Simunjan dan Sri Aman itu.

Sementara itu, PDRM telah mengeluarkan sebanyak 15 notis kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) di seluruh negeri semalam.

"Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Padawan (9), Kuching (2), Kota Samarahan (2), Miri (1) dan Betong (1).

"Manakala, satu tangkapan di sebuah kedai perabot di Pusa, Betong," katanya dalam kenyataan, semalam.

Tegasnya, PDRM akan terus memperketatkan SOP termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam.

Mengulas lanjut mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP), sebanyak 1,846 premis telah dipantau iaitu pasar raya (295), restoran (408), kilang (9), bank (121), pejabat kerajaan (93), penjaja (5), pasar tani/awam (112), tempat ibadah (97), tempat ria-dah (46), tapak pembinaan (23) dan lain-lain (637).

"Seramai 722 anggota pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) yang terdiri daripada PDRM (357), Angkatan Tentera Malaysia (38), Jabatan Sukare-

lawan Malaysia [RELA] (165), Angkatan Pertahanan Awam (106), Pihak Berkuasa Tempatan (37), Kementerian Kesihatan Malaysia (10), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [KPDNHEP] (2) dan lain-lain agensi (7).

"Semenanjur itu, terdapat enam sekatan jalan raya di lima daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1).

"Daripada enam sekatan jalan raya tersebut, sebanyak 1,002 jumlah kenderaan telah diperiksa," jelasnya.

JPBN turut menasihatkna orang ramai agar tidak leka dan terus kekal waspada dan mengamalkan norma baharu serta mematuhi SOP dalam kehidupan sehari-hari.



08 AUG, 2020

## Lima kenderaan diarah patah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Sebanyak lima kenderaan daripada 1,480 yang melalui sekatan jalan raya diantara Zon 1 dan Zon 2 telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), semalam. Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) berkata, manakala 1,475 kenderaan lagi dibenarkan melalui sekatan di dua lokasi di Daerah Simunjan dan Sri Aman itu.